

**PERBANDINGAN RANTAU KONSEPSI NILAI
MORAL ANTARA PERIBAHASA MELAYU
DENGAN PERIBAHASA TAMIL
BERDASARKAN TEORI HIBRID**

PARAMESWARY A/P SHANMUGAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

**PERBANDINGAN RANTAU KONSEPSI NILAI MORAL ANTARA
PERIBAHASA MELAYU DENGAN PERIBAHASA TAMIL
BERDASARKAN TEORI HIBRID**

PARAMESWARY A/P SHANMUGAM

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



Sila tanda (✓)

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15/9/2022

i. Perakuan Pelajar:

Saya, PARAMESWARY A/P SHANMUGAM, M20181001435, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PERBANDINGAN RANTAU KONSEPSI NILAI MORAL ANTARA PERIBAHASA MELAYU DENGAN PERIBAHASA TAMIL BERDASARKAN TEORI HIBRID adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

S. Parames
Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR. ANIDA SARUDIN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERBANDINGAN RANTAU KONSEPSI NILAI MORAL ANTARA PERIBAHASA MELAYU DENGAN PERIBAHASA TAMIL BERDASARKAN TEORI HIBRID dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU.

15.9.2022
Tarikh

Prof Madya Dr. Anida Sarudin
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim, Perak.

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERBANDINGAN RANTAU KONSEPSI NILAI MORAL ANTARA
PERIBAHASA MELAYU DENGAN PERIBAHASA TAMIL
BERDASARKAN TEORI HIBRID

No. Matrik / Matric's No.: M20181001435
Saya / I: PARAMESWARY A/P SHANMUGAM
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
This thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

S. Parames

(Tandatangan Pelajar / Signature of Student)

Prof Madya Dr. Anida Sarudin

Prof Madya Dr. Anida Sarudin
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim, Perak.

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh/Date: 15.9.2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin melahirkan rasa syukur ke hadrat Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya dapat menyiapkan disertasi ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Dalam lembaran ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada setiap insan yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia iaitu Prof Madya Dr. Anida Sarudin yang banyak memberi tunjuk ajar dan galakan kepada saya sehingga menyempurnakan penulisan ilmiah ini. Beliau sentiasa memberi semangat dan membimbing saya untuk mengharungi pelbagai cabaran dalam menyiapkan disertasi serta menerbitkan artikel.

Di samping itu, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat kedua ibu bapa tercinta saya iaitu Encik Shanmugam dan Puan Uma Davi. Ibu bapa saya sentiasa membantu saya dari aspek kewangan dan memberi kalimat perangsang supaya tabah menghadapi dugaan untuk menjalankan kajian ini ketika pandemik Covid-19.

Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada para pensyarah Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, guru-guru serta rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan moral kepada saya. Justeru, saya ingin memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan dalam menghasilkan disertasi ini dan berharap agar kajian saya menjadi sumber rujukan yang berguna pada masa akan datang. Penyelidikan ini berpotensi untuk membentuk pengetahuan baharu dalam bidang semantik.

Failure will never overtake me if my determination to succeed is strong enough.

-Og Mandino-



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tiga ciri utama dalam konteks komunikasi bagi data peribahasa Melayu dan Tamil serta menganalisis operasi metafora peribahasa berdasarkan fitur elemen dalam Teori Hibrid. Teori ini digunakan untuk meneliti perbandingan rantau konsepsi nilai moral antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan. Sebanyak 12 data peribahasa Melayu dan Tamil pada aras sekolah rendah daripada tiga kategori nilai moral telah dipilih untuk dianalisis dalam kajian ini. Nilai moral tersebut terdiri daripada nilai kerajinan, kerjasama dan kesederhanaan. Teori Hibrid diyakini dapat memberi perspektif baharu kepada kajian berasaskan peribahasa dengan mengkaji aspek linguistik kognitif dan pragmatik. Tiga pencirian utama dalam konteks komunikasi iaitu perwatakan, kebijaksanaan dan ketuhanan memiliki ciri komunikasi yang hampir sama bagi data peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil. Analisis kajian mendapati bahawa peribahasa Melayu dan Tamil memiliki nilai dan falsafah tersendiri berdasarkan akal budi masyarakat yang berbeza. Fitur elemen dalam rantau konsepsi antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil menunjukkan perbezaan yang ketara terutamanya menerusi konsep ad hoc manakala falsafah di sebalik pemilihan unsur dalam peribahasa menggambarkan ciri persamaan dari aspek budaya masyarakat Melayu dan India. Penemuan maklumat tetap berkonteks turut menghasilkan pengetahuan baharu dalam bidang semantik. Kajian ini mempunyai keupayaan sebagai wahana peradaban bangsa Melayu dan India sekaligus menjadi penggerak inovasi dalam pengajaran kedua-dua bahasa ini di sekolah khususnya dan dalam masyarakat secara umumnya.

COMPARISON OF MORAL VALUE CONCEPTUAL SPACE BETWEEN MALAY PROVERBS AND TAMIL PROVERBS BASED ON THE HYBRID THEORY

ABSTRACT

This study aims to identify the three main properties in the communication context for Malay and Tamil proverb data as well as analysing the metaphorical operation of proverbs based on the elemental features in Hybrid Theory. This theory is used to examine the comparison of moral value conceptual space between Malay proverbs and Tamil proverbs. This is a qualitative study that uses the content analysis method. A number of 12 Malay and Tamil proverb data at the primary school level from three moral values categories were selected to be analysed in this study. Those three moral values are diligence, cooperation and simplicity. Hybrid Theory is believed to provide a new perspective to proverb based studies by examining the cognitive and pragmatic linguistic aspects. The three main properties in the communication context namely character, wisdom and divinity have almost the same communication characteristics for both Malay and Tamil proverbs. Analysis of the study found that Malay and Tamil proverbs have their own values and philosophies based on the common sense of different communities. The elemental features in the conceptual space between Malay proverbs and Tamil proverbs show significant differences especially through ad hoc concept while the philosophy behind the selection of symbol in proverbs illustrates the similarities from the cultural aspect of the Malay and Indian communities. The discovery of context invariant information produces new knowledge in the field of semantics. This study has the ability to be a medium for the civilisation of the Malay and Indian nations as well as being a driving force of innovation in the teaching of these two languages in schools specifically and in society in general.

**KANDUNGAN****Muka Surat****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** ii**PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI** iii**PENGHARGAAN** iv**ABSTRAK** v**ABSTRACT** vi**KANDUNGAN** vii**SENARAI JADUAL** xi**SENARAI RAJAH** xiii**SENARAI SINGKATAN** xvii**SENARAI LAMPIRAN** xviii**BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 7

1.3 Permasalahan Kajian 20

1.4 Objektif Kajian 24

1.5 Soalan Kajian 25

1.6 Kepentingan Kajian 25

1.6.1 Memberi Nilai Etika kepada Peribahasa 26

1.6.2 Menjadi Rujukan Wahana Peradaban Bangsa 26

1.6.3 Membantu Menggarap Makna Peribahasa dengan Baik 27

1.6.4 Menjelaskan Struktur Orientasi Pemikiran Peribahasa Silang Budaya 27



1.7	Batasan Kajian	28
1.8	Definisi Operasional	30
1.8.1	Perbandingan	31
1.8.2	Rantau Konsepsi	31
1.8.3	Nilai Moral	32
1.8.4	Peribahasa Melayu	33
1.8.5	Peribahasa Tamil	34
1.8.6	Teori Hibrid	34
1.9	Kesimpulan Bab	35

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	37
2.2	Kajian Pentaksiran Makna Peribahasa	38
2.3	Kajian Falsafah dalam Unsur Peribahasa	44
2.4	Kajian Peribahasa antara Dua Budaya	57
2.5	Kajian Berkaitan dengan Teori Hibrid	63
2.6	Kesimpulan Bab	68

BAB 3 TEORI HIBRID

3.1	Pengenalan	70
3.2	Asas Pemilihan Teori Hibrid	71
3.3	Semantik Leksikal dalam Teori Hibrid	74
3.4	Pragmatik Leksikal dalam Teori Hibrid	77
3.5	Rantau Konsepsi Teori Hibrid	80
3.6	Kerangka Konseptual Kajian	85
3.7	Kesimpulan Bab	87

BAB 4 METODOLOGI

4.1	Pengenalan	88
-----	------------	----

4.2	Reka Bentuk Kajian	89
4.3	Data Kajian	90
4.3.1	Data Peribahasa Buku Teks	90
4.3.2	Data Korpus	93
4.4	Instrumen Kajian	93
4.5	Prosedur Pengumpulan dan Pengkategorian Data	95
4.5.1	Fasa Pemilihan Data Peribahasa	96
4.5.2	Fasa Penyenaraian Data Peribahasa	97
4.5.3	Fasa Pengkategorian Data Peribahasa Mengikut Nilai Moral	98
4.5.4	Fasa Pengekodan Data Peribahasa Melayu dan Tamil	100
4.6	Prosedur Penganalisan Data	101
4.6.1	Penganalisan Data bagi Objektif Pertama	103
4.6.2	Penganalisan Data bagi Objektif Kedua	105
4.6.3	Penganalisan Data bagi Objektif Ketiga	110
4.7	Kesimpulan Bab	112

BAB 5 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

5.1	Pengenalan	114
5.2	Pengklasifikasian Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil Berdasarkan <i>The Book of Proverbs</i> (Objektif Pertama)	115
5.2.1	Klasifikasi Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Melayu	118
5.2.2	Klasifikasi Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Tamil	131
5.2.3	Perbandingan Pengklasifikasian Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil	142
5.2.4	Kesimpulan Dapatan Kajian Pertama	144

5.3	Analisis Operasi Metafora bagi Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil Berdasarkan Fitur Elemen dalam Teori Hibrid (Objektif Kedua)	145
5.3.1	Nilai Kerajinan	145
5.3.2	Nilai Kerjasama	181
5.3.3	Nilai Kesederhanaan	211
5.3.4	Kesimpulan Dapatan Kajian Kedua	237
5.4	Persamaan dan Perbezaan Rantau Konsepsi Nilai Moral bagi Peribahasa Melayu dan Tamil Berdasarkan Teori Hibrid (Objektif Ketiga)	238
5.4.1	Nilai Kerajinan	238
5.4.2	Nilai Kerjasama	243
5.4.3	Nilai Kesederhanaan	246
5.4.4	Kesimpulan Dapatan Kajian Ketiga	248
5.5	Kesimpulan Bab	249
BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN		
6.1	Pengenalan	250
6.2	Perbincangan Kajian	250
6.3	Implikasi Kajian	254
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	255
6.5	Rumusan	256
RUJUKAN		257
LAMPIRAN		265

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Contoh Instrumen Kajian	95
4.2	Pengkategorian Peribahasa Melayu dan Tamil Berdasarkan Nilai Moral	98
4.3	Pengklasifikasian Data Peribahasa Berdasarkan Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi	101
4.4	Tatacara Penganalisisan Data	102
4.5	Pengklasifikasian Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi Berdasarkan The Book of Proverbs (2016) bagi Data Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil	104
4.6	Perbandingan Tiga ciri Utama dalam Konteks Komunikasi antara Peribahasa Melayu dengan Peribahasa Tamil bagi Nilai Kerajinan	105
4.7	Perbandingan Rantau Konsepsi Nilai Kerajinan antara Peribahasa Melayu dengan Peribahasa Tamil	111
5.1	Klasifikasi Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Melayu untuk Nilai Kerajinan	119
5.2	Klasifikasi Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Melayu untuk Nilai Kerjasama	125
5.3	Klasifikasi Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Melayu untuk Nilai Kesederhanaan	129
5.4	Klasifikasi Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Tamil untuk Nilai Kerajinan	133
5.5	Klasifikasi Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Tamil untuk Nilai Kerjasama	137



5.6	Klasifikasi Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Tamil untuk Nilai Kesederhanaan	140
5.7	Perbandingan Pengklasifikasian Tiga Ciri Utama dalam Konteks Komunikasi bagi Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil	144
5.8	Perbandingan Rantau Konsepsi Nilai Kerajinan bagi Peribahasa Melayu dan Tamil	240
5.9	Perbandingan Rantau Konsepsi Nilai Kerjasama bagi Peribahasa Melayu dan Tamil	244
5.10	Perbandingan Rantau Konsepsi Nilai Kesederhanaan bagi Peribahasa Melayu dan Tamil	248

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Tunjang dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah	29
3.1	Aliran Pembentukan Konteks Tetap	80
3.2	Rantau Konsepsi Teori Hibrid	84
3.3	Rantau Konsepsi Perbandingan Teori Hibrid	84
3.4	Kerangka Konseptual Kajian	85
4.1	Kamus Peribahasa Melayu	91
4.2	Buku Teks Bahasa Malaysia KSSR Tahun 4	91
4.3	Buku Teks Bahasa Tamil KSSR Tahun 4	92
4.4	Prosedur Pengumpulan dan Pengkategorian Data	96
4.5	Cara Menyedut Peribahasa daripada Buku Teks	97
4.6	Contoh Paparan Skrin bagi Penggunaan Data Korpus	103
4.7	Rantau Konsepsi Nilai Kerajinan bagi Peribahasa Melayu	108
4.8	Rantau Konsepsi Perbandingan bagi Nilai Kerajinan	112
5.1	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 1	147
5.2	Anggota Badan Seekor Lebah	148
5.3	Lilin Lebah	149



5.4	Madu	150
5.5	Skema Imej Penghubung	154
5.6	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 2	156
5.7	Kerja Membelah Ruyung	157
5.8	Biji Sagu	158
5.9	Skema Imej Aturan Linear	162
5.10	Rantau Konsepsi Nilai Kerajinan bagi Peribahasa Melayu	165
5.11	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 3	166
5.12	<i>Ad Hoc</i> Penyempitan	168
5.13	Skema Imej Aturan Linear	170
5.14	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 4	173
5.15	Bayi	173
5.16	Air Mata	174
5.17	Botol Susu	175
5.18	<i>Ad Hoc</i> Penyempitan	176
5.19	Skema Imej Aturan Linear	178
5.20	Rantau Konsepsi Nilai Kerajinan bagi Peribahasa Tamil	180
5.21	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 1	182

5.22	Memikul Seberkas Kayu	183
5.23	Skema Imej Penghubung	187
5.24	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 2	190
5.25	Aktiviti Mendaki Bukit	191
5.26	Skema Imej Tatatingkat	194
5.27	Rantau Konsepsi Nilai Kerjasama bagi Peribahasa Melayu	197
5.28	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 3	198
5.29	Perpaduan Rakyat Malaysia	199
5.30	<i>Ad Hoc</i> Penyempitan	200
5.31	Skema Imej Aturan Linear	202
5.32	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 4	205
5.33	<i>Ad Hoc</i> Penyempitan	206
5.34	Skema Imej Bekas	208
5.35	Rantau Konsepsi Nilai Kerjasama bagi Peribahasa Tamil	211
5.36	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 1	213
5.37	Cara Mengukur Baju Menggunakan Pita Ukur	213
5.38	Skema Imej Bekas	217
5.39	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 2	219

5.40	Skema Imej Penghubung	222
5.41	Rantau Konsepsi Nilai Kesederhanaan bagi Peribahasa Melayu	225
5.42	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 3	226
5.43	<i>Ad Hoc</i> Penyempitan	227
5.44	Skema Imej Ukuran	229
5.45	Gambaran Pecahan Maksud bagi Data Peribahasa 4	231
5.46	Amalan Menabung	232
5.47	<i>Ad Hoc</i> Penyempitan	233
5.48	Skema Imej Aturan Linear	234
5.49	Rantau Konsepsi Nilai Kesederhanaan bagi Peribahasa Tamil	237
5.50	Rantau Konsepsi Perbandingan bagi Nilai Kerajinan	240
5.51	Rantau Konsepsi Perbandingan bagi Nilai Kerjasama	245
5.52	Rantau Konsepsi Perbandingan bagi Nilai Kesederhanaan	248



SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PM	Peribahasa Melayu
PT	Peribahasa Tamil
RRS	Rangka Rujuk Silang



SENARAI LAMPIRAN

A Senarai Data Peribahasa Melayu

B Senarai Data Peribahasa Tamil

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Metafora yang dicipta oleh sesebuah masyarakat mempamerkan pengalaman, persekitaran, nilai dan emosi dari perspektif budaya. Seseorang individu boleh mengetahui struktur ilmu alam dan taburan masyarakatnya menerusi sesebuah budaya (Deraman, 2007). Hubungan manusia dengan alam sekeliling diperlihatkan melalui penghasilan imej daripada pengalaman manusia yang tersimpan dalam minda mereka. Lakoff dan Johnson (1980) berpendapat bahawa masyarakat dahulu menggunakan metafora dalam perbualan harian untuk menerangkan pengalaman yang diperoleh daripada sesuatu unsur atau lambang serta mengubah cara pemikiran manusia bagi menggambarkan sesebuah situasi yang belum dijangka. Penjanaaan makna dalam pemikiran masyarakat Melayu secara tersurat dan tersirat mengalami evolusi perkembangan menerusi penciptaan simpulan bahasa dan peribahasa. Maka, peribahasa telah terbentuk sebagai falsafah konseptual kognitif manusia terutamanya di rantau alam Melayu.



Setiap kelompok masyarakat mempunyai peribahasa mengikut bahasa masing-masing. Sarjana barat Casas dan Campoy (1995) menegaskan bahawa idiom mempunyai ketegaran yang tinggi dan struktur yang rumit daripada leksikal yang diujarkan oleh individu. Bahasa sememangnya berkait rapat dengan kognisi yang merupakan suatu proses pemahaman pada tahap minda, bersifat abstrak serta dibantu oleh pengalaman dan deria berlandaskan teori semantik. Hampir semua manusia menggunakan bahasa untuk meluahkan buah fikiran dan mencipta makna (Ahmad, 2016). Hal ini demikian kerana bahasa merupakan satu medium yang berfungsi untuk menghubungkan satu individu dengan individu lain bagi memudahkan aktiviti komunikasi harian.

Secara amnya, peribahasa berfungsi untuk menyampaikan sesuatu mesej secara tidak langsung bagi menegur atau memuji kelakuan seseorang tanpa menyinggung perasaan berdasarkan konteks situasi dan budaya. Menurut Zainon Hamzah dan Mat Hassan (2011), peribahasa merupakan gabungan dua perkataan iaitu, 'peri' dan 'bahasa'. Peri merujuk kepada hal, keadaan, sifat, cara, kejadian dan peristiwa. Bahasa pula didefinisikan sebagai satu sistem lambang bunyi yang digunakan oleh manusia untuk meluahkan fikiran dan perasaan atau menyampaikan konsep bagi mewakili benda, tindakan, idea dan keadaan dalam satu pertuturan supaya dapat difahami oleh pendengar atau masyarakat bahasanya.

Peribahasa Melayu menyisipkan gambaran nilai sosial, penerapan amalan murni dan menonjolkan falsafah Melayu meskipun peribahasa dianggap sebagai metafora mati tetapi berbeza dengan Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana manusia memerlukan maklumat bukan linguistik bagi membantu mereka memahami peribahasa dengan kata yang mudah konteks. Fouconnier (1997) pula berpendirian bahawa tiada





cara untuk melihat proses mental yang berlaku dalam otak manusia secara langsung apabila mereka menggunakan bahasa untuk mencipta makna malah terpaksa bergantung pada bahasa yang wujud di luar otak untuk memahami proses mental tersebut. Lantaran itu, manusia berfikir dengan melihat kemiripan satu pengalaman dengan sesuatu yang lain dan dijelaskan melalui ungkapan yang bermetafora.

Seterusnya, metafora berupaya untuk memancarkan hubungan antara bahasa dengan pemikiran bangsa Melayu. Lakoff dan Johnson (1980) menyatakan bahawa metafora wujud dalam kehidupan seharian menerusi bahasa, pemikiran dan tindakan manusia. Menurut pandangan yang dilontarkan oleh Abdul Rahman (2017), pembentukan peribahasa Melayu dapat diklasifikasikan kepada empat pengkhususan seperti simpulan bahasa (berlainan tetapi mempunyai makna yang sama atau mempunyai dua makna), perumpamaan (menyebut perbandingan dan tidak menyebut perbandingan), pepatah (susunan bahasa yang mudah) serta bidalan (susunan bahasa yang menarik dan mudah). Pernyataan Hipotesis Sapir-Whorf (1921) turut membuktikan bahawa masyarakat Melayu melihat dunia berdasarkan bahasa kiasan ciptaan mereka. Lanjutan daripada perkara ini, setiap tingkah laku yang dilihat mendorong penutur untuk membina pemahaman yang bermakna berasaskan alam sekeliling dan diungkapkan melalui bahasa.

Metafora dipercayai memiliki sifat untuk membentuk fikiran dan makna yang unik serta mempunyai nilai intelektual. Seajar dengan perkara ini, Effendy (2003) telah menerangkan bahawa metafora dalam peribahasa Melayu merupakan satu contoh penggunaan bahasa interpretif yang dinilai berdasarkan keserupaan gambaran dengan ujaran sebenarnya. Sementelah, pendekatan merentas budaya sangat bermanfaat dalam merenung daya taakul seseorang manusia bagi menggambarkan akal budi masyarakat



secara generik. Berdasarkan pandangan yang dinyatakan dalam kajian Kasdan *et al.* (2016), dapat disimpulkan bahawa akal budi berpotensi untuk merefleksikan pemikiran, perbuatan dan sikap yang mendukung kebijaksanaan lazimnya tergambar melalui seni tampak dan seni sastera, iaitu bahasa.

Peribahasa sememangnya berfungsi sebagai medium perakam pemikiran dalam mengungkapkan amalan peradaban bangsa Melayu yang sentiasa menjadi perhatian para sarjana tempatan. Yusof (2018) mendefinisikan peribahasa sebagai ungkapan yang mengandungi maksud tersirat dan digunakan sebagai strategi untuk menyampaikan buah fikiran, teguran dan sindiran kepada orang lain secara implisit. Tambahan lagi, ketersiratan maksud peribahasa digambarkan melalui penggunaan lambang atau simbol yang dikaitkan dengan unsur alam yang dekat dengan kehidupan masyarakat Melayu.

Kajian berunsurkan peribahasa dilihat masih relevan pada masa kini kerana melambangkan seni warisan negara yang tidak ternilai harganya (Daud, 2017). Justeru, usaha memulihara dan melestarikan data peribahasa sangat diperlukan supaya tidak ditelan zaman serta dipraktikkan dalam kehidupan generasi muda terutamanya pelajar.

Penggunaan bahasa yang kasar dan kesat dalam teguran dapat menimbulkan kemarahan dan perasaan tidak puas hati kerana sudah menjadi lumrah manusia sukar menerima kelemahan diri apabila ditegur secara terus-terang (Wan Ismail, 2016). Pelbagai unsur telah digunakan oleh masyarakat feudal Melayu dalam penciptaan peribahasa seperti unsur alam, flora, fauna, anggota badan dan benda sekeliling. Sehubungan dengan itu, Ahmad (2016) menegaskan bahawa unsur yang dipilih dan digunakan untuk menyampaikan maksud tersirat ini membentuk metafora iaitu suatu proses pemindahan makna apabila maksud sesuatu benda itu diberikan kepada makna yang dimiliki oleh benda lain. Terdapat beberapa kajian pendeskripsian lambang



haiwan sebagai cerminan budaya yang memberi penekanan terhadap taburan unsur fauna dan pemikiran yang terhasil melalui interpretasi tersebut. Misalnya, kajian peribahasa yang berunsurkan anjing (Abdullah, 2011), ular (Daud, Wahap & Lokman, 2018), ikan (Kasdan, Jalaluddin & Wan Ismail, 2016) serta ayam (Daud & Subet, 2020).

Setiap saranan, idea atau konsep yang dizahirkan oleh pemikiran akan membentuk kepercayaan dan ideologi falsafah hidup masyarakat Melayu dari zaman feudal. Falsafah yang mendasari pemikiran bangsa Melayu dihasilkan menerusi pengamatan, penghayatan terhadap agama, akal budi, adat dan budaya serta persekitaran yang melatari kehidupan mereka. Ding (2009) turut menegaskan bahawa sifat utama peribahasa ialah metaforanya perlu difahami dalam konteks budaya penuturnya sendiri walaupun peribahasa mengandungi bahasa yang indah dan berima, tersusun dengan kemas serta isinya yang bernas dan beraneka. Oleh hal yang demikian, kiasan yang disampaikan menerusi peribahasa hanya boleh difahami sekiranya seseorang individu dapat menggarap makna sebenar sesuatu unsur atau simbol dengan baik.

Metafora digunakan dalam perbualan harian untuk membolehkan sesuatu topik, objek atau perkara dinyatakan, diterangkan serta digambarkan dengan lebih baik, berkesan dan komprehensif berbanding dengan makna harfiahnya. Setiap patah perkataan yang digunakan dalam peribahasa mempunyai nilai estetika dan fungsi leksikal yang tersendiri. Lantaran itu, kata dan konsep bahasa yang dizahirkan dalam peribahasa memprojeksikan fahaman masyarakat penutur dari aspek pengetahuan, kebudayaan, pancaindera, penaakulan, pengalaman dan penilaian sendiri mereka. Zainon Hamzah (2018) turut menegaskan bahawa makna terhadap kata dan konsep



dalam sesebuah peribahasa terbina hasil daripada tindakan fizikal dan mental serta proses penyesuaian dan penstrukturan semula idea yang sedia ada dengan idea baharu daripada latar situasi.

Menurut Hussain (2007), peribahasa yang dikenali sebagai titik genius Melayu dibentuk berasaskan tiga sumber utama iaitu kitab suci, rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman hidupnya serta orang arif bijaksana yang mengeluarkan ungkapan kata-kata hasil daripada renungannya. Pelbagai pendekatan telah digunakan dalam kajian yang bersumberkan data peribahasa. Antaranya ialah pengkajian dalam bidang semiotik (Daud, Wahap & Lokman, 2018; Wan Ismail, 2016), semantik kognitif (Noviana & Saifudin, 2021; Ahmad & Rashidin, 2011; Abdullah, 2011; Abdul Shukor & Tengku Mohd Ali, 2016), pragmatik (Mat Hassan & Zainon Hamzah, 2010; Jalaluddin & Nopiah, 2011) serta sosiolinguistik (Jalaluddin & Kasdan, 2016; Abd Rahim, Kim & Ladyanna, 2012).

Perspektif semantik kognitif memperincikan satu generalisasi penting yang wujud hasil daripada metafora konseptual yang mengkategorikan konsep konkrit sebagai sumber dan konsep abstrak sebagai sasaran. Perkara ini jelas memaparkan sumber dan sasaran domain tidak boleh bertimbal balik dalam metafora. Rajagobal (2016) menyatakan bahawa makna dapat dibezakan daripada makna yang wujud daripada perkataan itu sendiri secara autonomi dan perubahan tatabahasa. Menurut Jalaluddin (2014), penghasilan metafora tidak bersifat semberono tetapi sarat dengan falsafah yang merepresentasikan minda masyarakat Melayu. Maklumat budaya dan disiplin lain membantu pendengar memperoleh makna sebenar sesuatu peribahasa atau metafora (Ahmad, 2003). Fenomena peribahasa dalam budaya sejagat tidak muncul di

negara barat namun begitu peribahasa sering dikiaskan dalam bentuk syair dan idiom yang dilihat oleh masyarakat secara eksplisit.

Bertitik-tolak dari kerencananan proses generalisasi metafora menerusi konsep dan falsafah, penyelidikan ini mendapati bahawa beberapa isu kritis perlu dibahaskan dari sudut struktur metafora dibina. Penganalisisan operasi metafora dalam peribahasa berdasarkan akal budi dan falsafah pemikiran masyarakat secara umum disifatkan sebagai kajian permukaan yang secara rasionalnya perlu didalami dan diperincikan lagi mencetuskan permasalahan kajian. Berdasarkan kekangan ini, satu usaha yang teliti perlu diamati secara telus bagi menyelidik indikator-indikator dalam penghasilan metafora sehingga menjadikan elemen metafora diserlahkan sebagai mewakili pemikiran dan budaya masyarakat. Perkara ini disokong oleh Hawkes (1980:37) bahawa metafora menggambarkan ciri-ciri bahasa, iaitu *“language is vitally metaphorical”* sementara Richard (1967) berpendapat bahawa fikiran lebih bermetafora iaitu *“thought is metaphorical”*. Hal ini menjelaskan bahawa metafora wujud dalam bahasa menerusi pemikiran dan tingkah laku serta cara seseorang manusia berfikir dan bertindak sebenarnya berasaskan metafora secara semulajadi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa dan budaya memiliki hubungan yang intrinsik, iaitu perkaitan antara bahasa dan sikap serta pemikiran dan perilaku sesebuah bangsa. Namun, sejauh manakah bahasa membentuk dan mengawal pemikiran penuturnya serta cara bahasa merefleksikan pandangan mereka tentang dunia masih menjadi persoalan. Walau bagaimanapun, hubungan antara bahasa dengan kepercayaan dan nilai hidup dalam kebudayaan



penuturnya merupakan hakikat yang tidak dapat dipersoalkan malah bahasa dan konsep pemikiran penutur juga ditentukan oleh cara serta tingkah laku penutur terhadap sesuatu yang dilihat dan diamati. Ahmad (2003) menegaskan bahawa budaya akal budi Melayu bukan hanya merupakan hasil proses kognitif yang berlaku dalam bahagian kiri otak dikatakan bersifat rasional atau logikal tetapi prosesnya datang dari lubuk hati dan perasaan manusia. Perkara ini menunjukkan bahawa penentuan budi seseorang sama ada tinggi atau rendah boleh dinilai daripada penggunaan bahasa yang diamalkan.

Peribahasa ialah susunan kata pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya yang menjadi ikutan masyarakat serta berbentuk pengajaran (Ahmad, 1965). Setiap peribahasa yang digunakan dalam pergaulan seharian berfungsi untuk mengkiaskan sesuatu perkara dan harus bersesuaian dengan norma masyarakat. Pernyataan ini disokong oleh Mohamed (2015) bahawa peribahasa dihasilkan menerusi ilham yang tercetus dalam pemikiran masyarakat terdahulu dengan mentafsir sifat dan perilaku manusia secara tersirat supaya tidak mengguris perasaan seseorang. Sehubungan dengan itu, peribahasa telah memvisualisasikan bagaimana golongan intelektual Melayu pada zaman dahulu mengolah kehidupan manusia berdasarkan alam sekeliling yang mampu memberi bimbingan kepada masyarakat untuk menjalani kehidupan seharian.

Zainon Hamzah dan Mat Hassan (2011) turut menjelaskan bahawa peribahasa dicipta berdasarkan pemerhatian, penghayatan dan pemahaman masyarakat yang tajam terhadap alam, adat, budaya dan pengalaman hidup. Sifat orang Melayu yang lemah-lembut dan penuh kesantunan mendorong mereka untuk meluahkan rasa hati melalui kata-kata simbolik, indah dan tersusun. Kepintaran dan keaslian masyarakat dahulu dalam memilih penggunaan simbol tertentu yang dijadikan sebagai perbandingan





dengan sifat atau perlakuan manusia (Yusof, 2018). Peribahasa menjadi satu bentuk komunikasi yang berkait rapat dengan budaya sesuatu bangsa. Peribahasa bukan sahaja digunakan dalam Bahasa Melayu malah turut diaplikasikan dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil, Bahasa Cina, Bahasa Jepun dan sebagainya (Lai & Desai, 2016; Briner *et al.*, 2018; Rataj *et al.*, 2018; Reilly *et al.*, 2019).

Parameswaran (2016) pula menjelaskan bahawa Bahasa Tamil merupakan lambang identiti masyarakat India yang mempunyai lebih kurang 74 juta penutur di seluruh dunia dan dikenali sebagai bahasa yang tertua selepas Bahasa Latin. Tamil dikenali sebagai sebuah bahasa klasik yang menjangkau usia enam alaf dan tergolong dalam rumpun bahasa Dravida. Seiring dengan itu, Bahasa Tamil dituturkan oleh kaum India yang menetap di Tamil Nadu (India Selatan), Sri Lanka, Malaysia, Singapura, Kanada, Australia dan sebagainya. Tambahnya lagi, bangsa India mempunyai empat suku kaum utama terdiri daripada orang India, Telugu, Malayalam dan Kannada yang berasal dari Asia Selatan.

Secara umumnya, peribahasa dilihat sebagai suatu medium untuk melihat akal budi sesebuah masyarakat. Peribahasa Tamil muncul di Malaysia sejak dua abad yang lalu apabila masyarakat India datang bekerja sebagai imigran buruh. Sandhu dalam Shanmugavelu (2015) menjelaskan bahawa orang India dibawa masuk ke Tanah Melayu untuk bekerja sebagai buruh di ladang getah, tebu dan kopi dengan tujuan menjayakan dasar ekonomi British. Perkembangan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di negara ini telah mengubah situasi dan orang India menetap di sini. Justeru, kaum India telah mewujudkan satu kelompok masyarakat dengan budaya dan tradisi tersendiri di Tanah Melayu.





Peribahasa Tamil dikenali sebagai *pazhamozhi* dalam kalangan masyarakat India. Singaram (1998) turut menyatakan bahawa rangkai kata '*pazhamozhi*' dapat dipisahkan kepada dua perkataan iaitu, '*pazham*' bermaksud lama atau matang dan '*mozhi*' didefinisikan sebagai bahasa. Jadi, gabungan dua leksikal tersebut membawa maksud bahasa yang lama atau matang. Menurut Sellvaraj dan Annamalai (2019), peribahasa Tamil dibentuk berdasarkan pengalaman, pengamatan dan pandangan yang mendalam terhadap segala kejadian yang berlaku di sekitar masyarakat India. Tambahnya lagi, daya cipta peribahasa Tamil telah menggambarkan etnologi bangsa India dari sudut intelektual, agama, politik, ekonomi, sosial dan budaya. Fungsi utama peribahasa Tamil adalah mencerminkan peradaban dan lambang identiti masyarakat India dalam sesebuah komuniti.



Peribahasa Tamil merupakan khazanah penting dalam kalangan masyarakat India dan mempunyai makna nilai yang tinggi sejak turun-temurun. Menurut Murthy, Subet dan Daud (2019), peribahasa Tamil juga merangkumi simpulan bahasa, bidalan, pepatah dan perumpamaan sama seperti peribahasa Melayu. Simbol atau unsur yang digunakan dalam peribahasa dipilih bersandarkan persekitaran manusia untuk menggambarkan sesuatu perkara dengan jelas. Subet dan Daud (2018) pula menegaskan bahawa makna tersirat yang digunakan dalam peribahasa mempunyai perkaitan dengan budaya, konteks penggunaan, pengalaman, emosi, persekitaran, pendidikan dan pandangan tentang dunia.

Masyarakat India dahulu didapati gemar menggunakan peribahasa dalam menyampaikan sesuatu perkara secara tersurat mahupun tersirat. Perkara ini turut disokong oleh Murthy dan Subet (2018) bahawa limpahan peribahasa Tamil pada masa kini merupakan bukti bahawa masyarakat India dahulu lebih mementingkan kesopanan





dalam berbahasa yang menjadi tradisi kaum. Muniandy (1996) pula berpendirian bahawa kebanyakan unsur alam yang sering digunakan dalam penciptaan peribahasa Tamil berkaitan dengan persekitaran, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan cakerawala. Antaranya ialah labu, lada hitam, tebu, rumput, gajah, lembu, harimau, bulan, langit, matahari, hujan dan sebagainya.

Konteks kehidupan masyarakat yang berlainan budaya menjadi faktor utama dalam memperlihatkan persamaan dan perbezaan dari sudut nilai falsafah peribahasa. Misalnya, sesuatu unsur peribahasa yang digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu dan India mungkin melambangkan perkara yang sama atau berlainan. Masyarakat Melayu dan India mempunyai pandangan yang berbeza tentang lembu dari segi daya taakul dan pengalaman hidup. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) mendefinisikan lembu sebagai binatang ternakan berkaki empat yang dipelihara untuk memperoleh daging, susu dan digunakan sebagai kenderaan. Lembu merupakan penggerak ekonomi dan sumber kekuatan dalam bidang pertanian masa dahulu sebelum jentera moden diperkenalkan.

Masyarakat Melayu melakukan penternakan lembu sejak zaman dahulu bagi mendapatkan daging, susu dan hasil tenusu. Menurut Zainuddin dan Yusof (2019), salah satu kegiatan ekonomi tradisional masyarakat Melayu ialah menternak binatang seperti ayam, itik, lembu dan kambing. Orang Islam mempunyai kepercayaan untuk menyembelih lembu bersandarkan agama Islam pada Hari Raya Korban. Umat Islam akan menjalankan ibadah korban yang melibatkan binatang berkaki empat seperti lembu, kambing, kerbau, unta dan biri-biri pada hari kesepuluh dalam bulan Zulhijjah setiap tahun. Kebiasaannya, ibadah ini akan dijalankan pada waktu pagi bertempat di masjid.





Perayaan ini disambut bagi memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim yang sanggup menyembelih anak kesayangannya, Nabi Ismail kerana ketaatannya terhadap perintah Allah SWT (Amer et al. 2021). Sehubungan dengan itu, binatang korban yang telah disembelih akan diagihkan kepada orang ramai terutamanya fakir miskin, anak yatim dan golongan Islam yang ditimpa musibah. Pelaksanaan ibadah korban secara implisit dapat mengikis sikap leka masyarakat Islam terhadap keduniaan dan mendekatkan diri dengan perbuatan amal jariah. Antaranya ialah memberi sedekah, membantu orang yang memerlukan, menghulurkan makanan kepada orang yang berada dalam kelaparan dan sebagainya.

Amalan penyucian lembu pula merupakan kepercayaan masyarakat India berdasarkan pegangan agama Hindu. Marvin (1987) berpendapat bahawa lembu ialah haiwan suci yang tidak boleh disembelih bagi masyarakat India. Hal ini demikian kerana lembu merupakan sumber penting dalam penghasilan susu dan produk tenusu lain serta menarik pembajak. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa lembu dilihat sebagai penyumbang utama dalam bidang ekonomi dan pertanian. Oleh itu, masyarakat India berpantang daripada memakan daging lembu dan bahan makanan yang mempunyai perkaitan dengan lembu (Wiana, 1993). Penganut agama Hindu tidak menyembelih lembu kerana menganggap lembu sebagai dewa dan menghormati sumbangannya dalam kehidupan harian mereka. Sehubungan dengan itu, masyarakat India melihat lembu pada kedudukan yang setaraf dengan dewa menerusi simbol agama iaitu *Kamadhenu* dan *Komatha*.

Menurut Biardeau (1993), istilah *Kamadhenu* dalam bahasa Sanskrit merujuk kepada sesuatu yang memberi kepada sesiapa sahaja yang meminta. Istilah *Komatha* pula didefinisikan sebagai ibu lembu. Sejajar dengan pengertian kedua-dua konsep ini,





dapat disimpulkan bahawa masyarakat India memprojeksikan lembu sebagai haiwan yang memberi manfaat kepada manusia dan banyak berkorban untuk mengekalkan kelestarian alam. Selain daripada itu, masyarakat Hindu juga akan memuja lembu pada perayaan *Maatu Ponggal* yang disambut pada hari kedua dalam bulan *Thai* menjelang musim menuai padi. Vasudevan (2006) pula menyatakan pandangan bahawa masyarakat India akan menyembah serta menghias lembu betina dan jantan semasa perayaan *Maatu Ponggal* sebagai tanda berterima kasih. Hal ini demikian kerana lembu banyak membantu manusia dalam bidang pertanian terutamanya bagi kerja membajak tanah untuk menanam padi tanpa mengira hujan dan panas.

Seterusnya, masyarakat Melayu dan India mempunyai pandangan yang sama tentang lada hitam dalam penghasilan metafora. Lada hitam ialah sejenis pokok herba yang memerlukan sokongan untuk tumbuh dan menghasilkan buah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Nama saintifik lada hitam ialah *Piper Nigrum* dan dikategorikan sebagai rempah ratus. Mat Piah (2015) turut menyatakan sifat utama lada hitam ialah bersaiz kecil dan mempunyai tahap kepedasan yang sama seperti cabai. Masyarakat Melayu menggunakan lada hitam dalam perubatan tradisional dan bagi tujuan memasak sahaja. Ulasnya lagi, lada hitam merupakan perisa makanan utama yang digunakan dalam masakan oleh kaum Melayu. Hal ini demikian kerana lada hitam mempunyai pelbagai khasiat untuk kesihatan manusia dan membantu merawat penyakit.

Terdapat pelbagai manfaat kesihatan yang diperoleh menerusi lada hitam. Wan Mansor dan Jalaluddin (2016) menegaskan bahawa masyarakat Melayu dahulu hanya bergantung kepada perubatan tradisional yang berasaskan tumbuhan sepenuhnya disebabkan tiada pengamal perubatan untuk merawat penyakit. Menurut Abd Aziz dan Yunos (2019), lada hitam mempunyai fungsi untuk mencairkan kahak, mengubati ruam





pada kulit dan membunuh cacing dalam usus. Selain daripada itu, lada hitam dapat menyembuhkan penyakit taun, melawaskan kencing dan membuang angin dalam badan. Air rebusan lada hitam dan halia dipercayai dapat mengurangkan tekanan darah tinggi dan mengeluarkan toksin dalam badan. Oleh hal yang demikian, masyarakat Melayu dahulu menggunakan lada hitam yang mempunyai pelbagai keistimewaan dalam penciptaan peribahasa.

Lada hitam yang turut dikenali sebagai '*karumezhugu*' merupakan rempah ratus yang digunakan oleh masyarakat India bagi tujuan memasak untuk menambah perasa. Misalnya, lada hitam akan ditumbuk bersama bahan lain untuk membuat *rasam*. Murthy, Subet dan Daud (2019) menjelaskan bahawa lada hitam mempunyai daya ketahanan penyakit yang tinggi. Antaranya ialah dapat merawat demam malaria dan boleh melawan penyakit kanser. Lada hitam mempunyai peranan penting dalam upacara keagamaan, ilmu sihir dan perubatan tradisional *Ayurveda*.

Pada masa dahulu, masyarakat India sering berjumpa dengan dukun bagi mengetahui punca dan rawatan sesuatu penyakit. Lama-kelamaan, mereka telah mempelajari pelbagai teknik penghasilan ubat herba menerusi pengalaman terhadap pengkajian tumbuhan di persekitaran mereka (Subramaniam, 2016). Seterusnya, fungsi unik lada ini ialah mengelakkan serangga perosak mendekati catatan pada daun palma yang dikenali sebagai *olai chuvadi*. Justeru, budaya Melayu dan India jelas menunjukkan persamaan dalam penggunaan utama lada hitam iaitu bagi tujuan perubatan.

Setiap kelompok masyarakat semestinya mempunyai peraturan atau etika berbahasa atas faktor kesopanan mahupun adat dan kepercayaan yang diwarisi oleh





kaum tersebut (Daud, Nizam & Gedat, 2017). Sekilas itu, pembentukan peribahasa daripada alam sekeliling memberikan nasihat dan pengajaran kepada masyarakat. Pengajaran yang disampaikan boleh dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan. Pembelajaran peribahasa secara implisit dapat menerapkan nilai murni dalam diri manusia untuk membentuk sikap positif dan pemikiran yang tinggi. Menurut Zainon Hamzah dan Mat Hassan (2011), nilai boleh ditakrifkan sebagai suatu kepercayaan yang mendorong pemikiran, tingkah laku dan amalan kerja seseorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan norma utama masyarakat.

Dalam konteks pendidikan pula, peribahasa merupakan tunjang dalam proses mendidik murid yang bakal menjadi pelapis pemimpin negara. Oleh hal yang demikian, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah menggariskan 17 nilai murni utama dalam kurikulum dengan menetengahkan peribahasa menerusi proses pengajaran dan pembelajaran (Zainon Hamzah & Mat Hassan, 2011). Antara 17 nilai tersebut ialah baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, kebijaksanaan serta patriotik.

Bergerak dari premis tersebut, Yuldashev (2018) menyatakan bahawa terdapat pelbagai kajian yang menyentuh tentang metafora budaya seperti metafora tradisional, metafora kompleks, metafora khusus, metafora tidak khusus dan kajian metafora silang budaya. Tamsilannya, kajian metafora tradisional berfokus kepada penghuraian metafora dari sudut pandang retorik klasik dan menjelaskan cara pemetaan metafora berlaku dalam falsafah pemikiran manusia. Ulasnya lagi, manusia mengolah metafora tradisional dalam bentuk syair yang indah sehingga dapat menggambarkan nilai rasa





dan fikiran seseorang. Lantaran itu, metafora yang dipersembahkan dalam bahasa klasik merupakan konsep abstrak dan bukannya kiasan perbandingan.

Kajian metafora kompleks pula dilihat berkaitan dengan budaya dan peribahasa (Yuldashev, 2018). Metafora berunsurkan elemen budaya meneliti pemetaan domain sumber kepada sasaran yang merangkumi generalisasi berasaskan budaya masyarakat dahulu. Dari aspek peribahasa, metafora dilihat sebagai komponen penting bagi memaparkan nilai tertentu seperti simbolik budaya, falsafah hidup, pengalaman, kepercayaan, gaya hidup dan estetika dalam sesebuah masyarakat. Seterusnya, metafora khusus terdiri daripada perincian dari sudut bidang ilmu seperti kimia, neurosains, perubatan, psikoterapi, pendidikan, undang-undang, sosiologi dan sebagainya. Perkara ini membuktikan metafora dicipta secara praktikal melalui dimensi ilmu yang disampaikan menggunakan pendekatan yang tersendiri oleh pengamal bidang.

Pada masa yang sama, metafora tidak khusus didefinisikan sebagai metafora ciptaan yang berkaitan dengan emosi, tumbuhan dan wanita. Tambahnya lagi, metafora diterjemahkan melalui pemindahan rasa emosi kepada satu pemikiran lain yang berlaku menerusi konsep *ad hoc* dan disusuli dengan teori semantik. Metafora yang berkaitan dengan unsur wanita pula mempersembahkan ekspresi metafora yang tidak bebas, malah mematuhi tetapan sosiobudaya. Selain daripada itu, kajian tentang metafora silang budaya pula melihat perbandingan antara akal budi masyarakat dari segi persamaan dan perbezaan. Pengkonsepsian metafora tidak merasionalkan pandangan dan pemikiran penutur menggunakan entiti budaya dan agama sebagai titik-tolak fundamental dalam perkara ini.



Dalam usaha mengeneralisasi fenomena ini, pengkaji mendapati bahawa metafora merupakan penghasilan proses perwakilan entiti atau identiti yang memiliki mesej yang amat bermakna. Dalam konteks ini, pengkaji menemui elemen bahasa berperanan sebagai perwakilan pola-pola yang berstruktur melalui peribahasa. Sarjana barat Whorf (1940) berpandangan bahawa bahasa menentukan fikiran manusia serta fikiran manusia boleh berbeza disebabkan kelainan sistem bahasa mengikut kelompok masyarakat. Terdapat beberapa kekangan yang dikenal pasti dalam mengaplikasikan metafora sebagai cerminan akal masyarakat Melayu.

Antaranya ialah pertikaian yang dibuat oleh sarjana barat dan tempatan tentang bahasa dan metafora. Ahmad (2016:39) menegaskan bahawa bahasa dan masyarakat bersistem. Pernyataan ini disokong oleh Whorf (1940) bahawa tatabahasa bukan hanya berfungsi sebagai alat pengeluaran untuk menyuarakan fikiran malah sistem bahasa itu sendiri menjadi alat pembentuk fikiran. Proses pembentukan fikiran bukanlah proses yang dapat berdiri sendiri tetapi ia merupakan suatu bahagian dari tatabahasa tertentu dan proses pembentukan fikiran ini berbeza. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hipotesis ketentuan linguistik didasarkan atas andaian alat pemikiran manusia terbentuk daripada perkataan dan ayat yang terdapat dalam sesuatu bahasa. Manusia tidak mungkin dapat memikirkan sesuatu konsep jika dalam bahasa itu tiada perkataan atau ayat yang sesuai untuk menyatakan konsep tersebut.

Seterusnya, Yule dalam Ahmad (2016) pula berpendapat bahawa bahasa berkait dengan biologi. Sememangnya, tidak ada peraturan maskulin atau feminin sebagai kategori tatabahasa dalam Bahasa Melayu. Masalah ini timbul apabila masyarakat gagal membezakan kategori linguistik (animate atau feminin) dengan kategori biologi (bernyawa, lelaki dan perempuan). Perkara ini jelas menunjukkan makna kata leksikal



tidak sama dengan makna kata gramatikal. Sistem tatabahasa Inggeris juga tidak menggunakan kategori maskulin dan feminin tetapi beberapa leksikal yang menunjukkan jantina biologi. Satu usaha melihat peribahasa bukan pada tahap nahu, hubungan manusia dan persekitaran seolah-olah ekosistem yang lengkap. Sistem kala tidak begitu kompleks, namun merupakan sistem linguistik atau tatabahasa untuk memudahkan manusia berfikir atau menyatakan pengalamannya tentang masa.

Kekangan selanjutnya dilihat dalam perspektif bahasa lambang bangsa. Ahmad (2016) turut menjelaskan bahawa bahasa Melayu berkembang sepanjang zaman, tidak statik dan tidak beku kerana manusia berfikir serta mengembangkan ilmu dalam bahasa Melayu. Seterusnya, andaian bahawa sistem atau peraturan tatabahasa yang berbeza boleh menyebabkan pengguna bahasa itu berfikir atau melihat alam ini serta membentuk pandangan yang tidak sama. Steinberg (1992:112) pula menolak andaian ini dengan menyatakan bahawa banyak negara atau bangsa yang berlainan tetap mengikuti sistem politik, sosial, agama, sains dan falsafah yang sama atau hampir sama. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang menganggap bahawa perkataan boleh menunjukkan perbezaan fikiran antara satu bangsa dengan bangsa yang lain.

Selain daripada itu, proses penciptaan leksikal baharu oleh manusia sebenarnya bukan hanya merupakan proses linguistik tetapi lebih penting menerusi proses kognitif. Ahmad (2016:66) menerangkan bahawa perkataan tidak menentukan atau menyekat fikiran manusia. Namun ada sarjana yang menyatakan bahawa bahasa ialah ciptaan akal manusia dan bukannya semula jadi. Hal ini menjelaskan bahawa fakulti bahasa yang wujud sebagai fitrah dalam diri manusia membolehkan mereka mengetahui bahasa secara intuitif dan tidak mempunyai panduan mental yang ditentukan berdasarkan budaya serta pengalaman untuk mengajar individu menggunakan bahasa dalam





masyarakat bagi memenuhi pelbagai tujuan komunikasi dan fikiran. Masyarakat Melayu dapat menggunakan peraturan linguistik untuk membentuk perkataan dan makna baharu menerusi korpus kata yang sedia ada dalam sistem dan leksikologi Bahasa Melayu.

Kekangan berikutnya yang diutarakan oleh Corder (1973) ialah bahasa perlu mempunyai sifat *cordifiability* iaitu mengekodkan pemikiran dan budaya manusia secara ekonomis, padat dan bernas. Sistem kodifikasi bahasa ini dalam panggilan budaya kekeluargaan Melayu mungkin berbeza dengan panggilan kekeluargaan bahasa lain namun perkara yang sama dapat dilihat dalam metafora menerusi dua peribahasa yang berlainan budaya misalnya dalam peribahasa Melayu dan Tamil dari segi maksud mahupun penggunaan unsur. Perkara ini jelas menunjukkan berlakunya proses mental (akal), budaya dan bahasa serentak di luar serta di dalam diri manusia. Ulasnya lagi, konsep atau makna yang kompleks dikodkan dalam bentuk peristilahan yang khusus dan ringkas dalam masyarakat melalui proses sosialisasi. Justeru, proses sosialisasi ini melibatkan pembelajaran dan pengalaman manusia sehingga sesuatu budaya tersebut menjadi baku, diketahui dan diamalkan oleh semua anggota masyarakatnya (Ahmad, 2016:79).

Lantaran itu, Teori Hibrid hasil gabungan pendekatan linguistik kognitif dan bidang pragmatik melalui Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Tendahl (2009) telah digunakan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana pendekatan Hibrid merupakan cara terkini untuk menjelaskan makna terhadap kata atau frasa yang bersifat figuratif, tersirat dan implisit. Rantau konsepsi merupakan satu kawasan abstrak dalam minda manusia yang menfokuskan tiga unsur utama iaitu konsep leksikal, konsep *ad hoc* serta slot kosong yang memerlukan domain, skema imej, metafora konsepsi dan





metonimi konsepsi bagi membantu mentafsir metafora. Bertitik-tolak daripada perkara yang dibincangkan, penyelidikan ini akan menganalisis perbandingan rantau konsepsi nilai moral antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil menggunakan pendekatan Teori Hibrid yang diyakini dapat menyerlahkan elemen-elemen peradaban sesebuah bangsa menerusi konsep-konsep semantik.

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian ini diperoleh daripada aliran peribahasa dalam kajian-kajian lampau berdasarkan definisi, objektif, metodologi dan dapatan kajian secara umum. Berpandukan mekanisme ini, pengkaji telah menghimpunkan beberapa masalah yang telah dikenal pasti dalam penyelidikan ini. Setiap kelompongan, kewajaran dan perbandingan dilakukan untuk memperhalusi kekangan yang timbul. Banyak kajian telah diteliti bagi memperjelaskan isu atau kelompongan yang berkaitan dengan peribahasa dan pemikiran manusia.

Permasalahan kajian yang pertama ialah penutur Bahasa Melayu jarang menggunakan peribahasa dalam komunikasi harian bahkan tidak memahami maksud yang didukung oleh peribahasa (Jalaluddin & Kasdan, 2010). Pelajar didapati lebih selesa menggunakan bahasa slanga yang dilihat sebagai bahasa moden dalam perbualan harian bersama rakan. Selain daripada itu, Suzie (1998) menegaskan bahawa terdapat beberapa alasan utama mengapa pelajar kurang berminat dengan peribahasa. Antaranya ialah peribahasa merupakan bahasa klise, pengajaran peribahasa sangat membosankan, tidak dapat menggarap makna peribahasa serta sukar untuk diingati.





Menurut Johan (2012), pelajar tidak dapat memahami peribahasa dengan baik kerana mengandungi maksud abstrak yang sukar untuk digarap. Walaupun peribahasa merupakan khazanah penting yang diamalkan sejak turun-temurun untuk menyampaikan sesuatu mesej dalam masyarakat namun, generasi muda pada masa kini tidak sehati dengan penggunaan peribahasa dalam kehidupan seharian dan kurang dititikberatkan. Pengajaran peribahasa berdasarkan kaedah hafalan menunjukkan prestasi yang merosot. Rata-rata pelajar lebih banyak menghafal rumus demi mencapai markah yang baik berbanding menghayati unsur seni dalam bahasa itu sendiri. Hal ini didukung oleh Jalaluddin (2014) bahawa penggunaan bahasa berkonteks yang memerlukan ilmu semantik dapat dikesan daripada pembelajaran bahasa.

Hassan (2016) mendapati kemahiran berfikir pelajar yang melibatkan aras pengetahuan dan kefahaman sangat rendah kerana kurang memahami hubungan antara makna dan budaya. Pelajar harus mengetahui makna literal atau makna kamus setiap leksikal yang membentuk sesuatu peribahasa. Masyarakat pada alaf robotik ini dilihat tidak mengetahui nilai peribahasa yang membawa kepada kelahiran akal budi, budaya dan kognitif masyarakat. Justeru, pelajar memerlukan maklumat budaya, persekitaran atau dengan kata yang mudah konteks yang boleh membantu mereka untuk mentafsir makna peribahasa dengan mudah sebagai langkah penyelesaian.

Bagi melihat kedudukan senario remaja masa kini, ahli pujangga ada menyatakan *“jika ingin melihat masa depan sesuatu bangsa, lihatlah pada remaja mereka bertingkah laku”*. Perkara ini disokong oleh pernyataan yang dibuat oleh Jalaluddin dan Kasdan (2010) bahawa tahap penguasaan remaja berkaitan dengan peribahasa masih kurang memuaskan. Tambahannya lagi, pengajaran bahasa menjadi lebih mencabar dengan wujudnya makna tersurat dan tersirat dalam bahasa yang





ditutur. Kajian Jalaluddin dan Nopiah (2011) membuktikan bahawa peribahasa Melayu semakin kurang dapat menawan hati remaja Malaysia. Lantas, peranan penyelidikan ini adalah untuk melihat analisis operasi metafora secara terperinci bagi dua jenis data peribahasa yang berlainan budaya menggunakan Teori Hibrid.

Permasalahan yang kedua ialah pengkaji lepas tidak menghuraikan falsafah di sebalik penggunaan imej perlambangan sesuatu unsur dalam peribahasa (Daud, 2020). Sehubungan dengan itu, pengkaji lepas menggunakan data peribahasa Melayu tanpa mencungkil sepenuhnya makna peribahasa tersebut serta tidak mempersoalkan makna tersirat sehingga ke peringkat akal budi penuturnya. Unsur dalam peribahasa diabstraksikan kepada fitur makna serta menggunakan model untuk memberi sifat unsur kepada manusia. Tamsilannya, kajian tentang falsafah di sebalik pemilihan objek (Mohamed & Jalaluddin, 2018), idiom (Bruening, 2019) serta metafora haiwan (Rouhi & Mahand, 2011) dalam penciptaan peribahasa. Justeru, penyelidikan ini akan menfokuskan pembentukan nilai moral berdasarkan analisis data peribahasa Melayu dan Tamil menggunakan representasi Hibrid.

Permasalahan yang ketiga ialah kebanyakan pengkaji kurang menyentuh soal perbandingan metafora dalam dua bahasa yang berbeza berdasarkan Teori Hibrid (Shanmugam & Sarudin, 2019). Namun, mereka melihat perubahan yang berlaku dalam rangkaian makna dari satu tahap ke satu tahap serta membuat penelitian metafora menggunakan teks harian dan teks klasik dalam pelbagai perspektif berdasarkan analisis Teori Hibrid. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Rashidin dan Jalaluddin (2013) serta Novitskaya (2019) yang meneliti analisis hibrid terhadap metafora berpanduan gabungan dua teori utama. Rashidin dalam kajiannya menggunakan Model Proses Tiga Serangkai yang dikemaskini oleh Stover (2010).





Hasil dapatan menunjukkan satu corak baharu dalam membentuk rantau konsepsi emosi berdasarkan teks tradisional Melayu, malah penyelidikan ini berfokus kepada nilai moral yang terhasil berdasarkan data peribahasa Melayu dan Tamil menerusi rantau konsepsi.

Penjelasan yang terperinci diberikan dari segi penggunaan data, kaedah, objektif dan hasil kajian dipaparkan dalam bahagian tinjauan literatur. Penelusuran ilmu mendapati banyak kajian yang berkaitan dengan peribahasa Melayu dan Tamil dijalankan tetapi kajian peribahasa tentang peradaban bangsa India masih belum meluas. Terdapat pelbagai teori dan pendekatan sastera yang digunakan dalam kajian peribahasa. Satu perspektif dalam peradaban bangsa India menyatakan bahawa peribahasa Tamil mempunyai nilai budaya yang estetika namun pemerian ini tidak dikupas secara terperinci (Murthy, 2017). Walaupun kajian lepas yang lain mengupas tentang peribahasa sebagai elemen peradaban bangsa namun perincian tentang nilai-nilai peribahasa tidak diberikan. Misalnya, pemerian kupasan kajian lampau hanya terbatas kepada makna peribahasa sahaja tetapi tidak dikupas dalam perspektif tanggapan bangsa itu sendiri.

Terdapat persepsi semantik yang menyatakan peribahasa ada nilai implikatur yang bermakna dianalisis dengan pelbagai teori atau pendekatan. Antara pendekatan yang digunakan dalam kajian peribahasa ialah Teori Relevans, skema imej, metafora konsepsi, Teori Hibrid serta pendekatan sastera seperti mimetik dan struktural. Namun, kajian-kajian lepas tidak mengkaji implikatur tersebut dengan kritis kerana terdapat beberapa kekangan. Oleh itu, pengkaji akan mengkaji tentang ciri spontan iaitu konsep *ad hoc* dalam peribahasa Melayu dan Tamil berdasarkan daya renung masyarakat Melayu dan India untuk menggambarkan keistimewaan penyelidikan ini.



Kesimpulannya, penyelidikan ini mencadangkan satu rantau konsepsi perbandingan nilai moral berdasarkan data daripada peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil. Rantau konsepsi ini berfungsi untuk memperlihatkan nilai moral dari sudut akal budi dan falsafah masyarakat Melayu dan India dalam menyampaikan manfaat kepada manusia. Maka, gabungan teori dan pengalaman membolehkan makna konseptual metafora yang terdapat dalam ruang mental ini ditanggapi dengan berpada (Anida Sarudin et al., 2018, 2021). Dapatkan kajian ini akan memperlihatkan fenomena yang mempengaruhi perbandingan dua etnik sama ada nilai positif, nilai negatif mahupun timbang-tara persamaan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah kenyataan yang menjelaskan matlamat kajian secara khusus yang hendak dicapai oleh pengkaji. Penyelidikan ini meliputi objektif kajian seperti yang telah disenaraikan di bawah.

- i. Mengenal pasti tiga ciri utama dalam konteks komunikasi berdasarkan *The Book of Proverbs* bagi data peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil.
- ii. Menganalisis operasi metafora bagi peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil berdasarkan fitur elemen dalam Teori Hibrid.
- iii. Menghuraikan persamaan dan perbezaan rantau konsepsi nilai moral antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil berdasarkan Teori Hibrid.



1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian merupakan soalan dalam penyelidikan yang menjurus kepada tujuan dan objektif kajian untuk menjawab soalan khusus. Penyelidikan ini berusaha menjawab soalan kajian seperti yang berikut.

- i. Apakah tiga ciri utama dalam konteks komunikasi berdasarkan *The Book of Proverbs* bagi data peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil?
- ii. Bagaimanakah operasi metafora bagi peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dianalisis berdasarkan fitur elemen dalam Teori Hibrid?
- iii. Bagaimanakah persamaan dan perbezaan rantau konsepsi nilai moral antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil dihuraikan berdasarkan Teori

Hibrid?



1.6 Kepentingan Kajian

Koleksi peribahasa yang terakam dalam bentuk kamus dan korpus dilihat kurang diberi perhatian oleh masyarakat. Ketajaman daya renung terhadap unsur yang digunakan dalam peribahasa mempunyai makna yang tersirat serta masyarakat perlu mencungkil dan menelitinya dengan mata hati (Jalaluddin, 2014). Penyelidikan saban tahun sering bertukar medannya dan dapatan sentiasa berubah kerana kemajuan dalam kajian merentasi kelompongan dalam literatur. Kajian ini dianggap penting kerana berupaya menjadi satu wahana rujukan akademik yang membincangkan aspek kebudayaan dari sudut peribahasa. Kepentingan kajian ini dapat dihuraikan seperti yang berikut.





1.6.1 Memberi Nilai Etika kepada Peribahasa

Menerusi kajian ini, murid-murid dapat menghargai penciptaan peribahasa yang menjadi warisan peninggalan nenek moyang. Misalnya, mengaplikasikan nilai moral menerusi pembelajaran peribahasa sebagai panduan dalam kehidupan seharian. Generasi muda yang bakal menjadi aset negara perlu memelihara peribahasa daripada ditelan zaman (Zainon Hamzah & Mat Hassan, 2011). Tambahan lagi, UNESCO turut menggalakkan kajian yang berunsurkan budaya dan warisan (*culture and heritage*) supaya tidak lenyap ditelan arus pemodenan. Kajian berasaskan peribahasa dipercayai dapat menjadi perintis kepada pengkaji baharu dalam bidang semantik pada masa yang akan datang.



1.6.2 Menjadi Rujukan Wahana Peradaban Bangsa

Kajian ini dapat menggambarkan kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat Melayu dan India. Sehubungan dengan itu, murid-murid dapat mengetahui pemikiran dan akal budi sesuatu kaum dengan lebih mendalam. Sememangnya, masyarakat Melayu dan India lebih mementingkan kehalusan berbahasa dalam menegur kesilapan tanpa menguris perasaan seseorang. Murid-murid turut berpeluang untuk mengetahui unsur yang digunakan dan maksud tersirat sesuatu peribahasa berdasarkan daya renung masyarakat Melayu dan India. Perkara ini secara implisit dapat mendedahkan keistimewaan peradaban kedua-dua bangsa tersebut kepada kaum lain. Menurut Hassan (2009), bahasa berfungsi sebagai wahana pembentuk dan pemindah memori bangsa. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa bahasa mempunyai potensi untuk





mempertahankan budaya dan maruah sesebuah bangsa. Walaupun sistem pemikiran antara masyarakat berbeza namun satu titik pertemuan berkaitan dengan kesenian penciptaan metafora dapat digarap secara tidak langsung.

1.6.3 Membantu Menggarap Makna Peribahasa dengan Baik

Kajian ini dapat membantu guru dan murid untuk memahami dan mendalami maksud peribahasa. Seiring dengan itu, guru dapat memberi penjelasan yang terperinci kepada murid tentang peribahasa serta dapat mengenal pasti pengkategorian nilai moral dalam peribahasa Melayu dan Tamil. Antara nilai moral yang dipilih ialah kerajinan, kerjasama dan kesederhanaan. Kajian peribahasa ini bertujuan untuk memastikan penggunaan peribahasa Melayu dan Tamil dalam pergaulan seharian murid diteruskan dan tidak luput dari ingatan masyarakat. Ibrahim (2014) turut bersetuju bahawa pembaca dapat mengamalkan perkara positif yang dipelajari menerusi peribahasa dalam kehidupan harian mereka. Hal ini secara implisit dapat membentuk peribadi insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

1.6.4 Menjelaskan Struktur Orientasi Pemikiran Peribahasa Silang Budaya

Pemetaan peribahasa secara silang budaya diterjemahkan dalam kajian ini supaya pembaca dapat memahami struktur orientasi metafora dengan telus. Lebih-lebih lagi, peribahasa memberikan panduan kepada manusia untuk mengenali sesuatu objek dan membina sistem konsep. Kedua-dua budaya Melayu dan India dapat memperkayakan khazanah identiti masing-masing menerusi penghasilan data peribahasa. Pengkaji juga





dapat menyelami eksploitasi dalam metafora silang budaya antara bangsa dengan teliti. Kajian ini dapat menjelaskan mengapa sifat sesuatu unsur itu dikonsepsikan dengan tingkah laku manusia pada zaman dahulu. Omar (2008) turut menegaskan bahawa bahasa bermetafora menampilkan estetika dan kehebatan sulaman penciptanya malah hubungan antara kedua-dua masyarakat juga dapat dipererat dengan memahami keunikan penciptaan metafora menerusi kajian ini.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan had atau kekurangan dalam sesebuah kajian (Hassan, 2002). Pengkaji membataskan beberapa perkara supaya dapatan atau skop kajian jelas dan menepati objektif serta soalan kajian. Skop ini dapat memastikan pengkaji meneliti dan mengupas hal-hal yang berada dalam lingkungan kajian secara terperinci. Sampel kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah 80 data peribahasa yang terdiri daripada 40 peribahasa Melayu dan 40 peribahasa Tamil serta menggunakan Teori Hibrid yang dipelopori oleh Tendahl (2009). Analisis kajian hanya menfokuskan kepada 12 data peribahasa secara keseluruhan berdasarkan kekerapan data tertinggi, medium dan rendah mengikut kategori nilai moral.

Nilai-nilai ini diperolehi daripada Buku Teks Bahasa Melayu dan Bahasa Tamil yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah dari tahun satu hingga tahun enam. Pemilihan data daripada buku teks boleh digunakan dalam kajian kerana bersifat autentik. Kesahihan sesebuah buku teks dapat dipastikan menerusi semakan dan pengesahan sukatan pelajaran daripada Kementerian Pendidikan



Malaysia (KPM). Selain daripada itu, kandungan buku teks sudah memadai dan diajar berdasarkan tema mengikut rancangan pengajaran tahunan.



Rajah 1.1. Tunjang dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Dipetik dan dirujuk daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2017

Antara tunjang yang ditekankan dalam pelaksanaan kurikulum sekolah rendah ialah kemahiran komunikasi; kerohanian, sikap dan nilai murni; sains dan teknologi; keterampilan diri; perkembangan fizikal dan estetika; serta kemanusiaan (Sumber: Kurikulum Standard Sekolah Rendah, 2017). Pembelajaran peribahasa dikategorikan dalam tunjang kerohanian, sikap dan nilai murni. Tunjang ini merangkumi penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai murni. Sememangnya, KPM menyeru untuk menekankan pembelajaran nilai dalam semua mata pelajaran di sekolah. Hal ini kerana peribahasa berfungsi sebagai panduan dan pengajaran dalam kehidupan seseorang manusia.



Menurut Anam Ishak dan Wan Mohammad (2021), nilai murni yang digagaskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan merangkumi nilai baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, kebijaksanaan serta patriotik. Berdasarkan penelitian terhadap peribahasa yang dikaji, kajian ini dapat mengklasifikasikan data peribahasa kepada nilai kerajinan, kerjasama dan kesederhanaan berdasarkan kategori kekerapan data tertinggi, medium dan terendah.

Penyelidikan kualitatif menghasilkan data deskriptif yang terperinci mengenai fenomena atau aspek yang dikaji. Oleh itu, penyelidikan ini tidak memerlukan penggunaan soal selidik atau temu bual dengan responden. Instrumen kajian ini ialah pengklasifikasian tiga ciri utama iaitu perwatakan, kebijaksanaan dan ketuhanan dalam konteks komunikasi berdasarkan pengajaran *The Book of Proverbs* serta pengkategorian data peribahasa mengikut nilai moral. Pembuktian penggunaan data peribahasa dalam ayat diperolehi daripada pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta kajian kepustakaan seperti buku-buku peribahasa.

1.8 Definisi Operasional

Definisi pengoperasian atau definisi istilah merupakan salah satu aspek penting kepada kajian dalam memberi kefahaman kepada pembaca serta memudahkan penyelidik menyatakan pernyataan masalah dalam kajian (Darusalam & Hussin, 2018). Konsep pula diertikan sebagai kesatuan pengertian tentang sesuatu hal atau persoalan yang dirumuskan. Penghuraian istilah amat penting dalam menghasilkan kajian yang mantap



dan pendeskripsian yang berpadu. Oleh itu, pengkaji akan meneliti beberapa konsep penting yang digunakan dalam kajian ini seperti yang berikut. Antaranya ialah perbandingan, rantau konsepsi, nilai moral, peribahasa Melayu, peribahasa Tamil dan Teori Hibrid.

1.8.1 Perbandingan

Perbandingan bererti persamaan atau perbezaan tentang sesuatu sifat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018). Selain daripada itu, Marhiyanto (1994) telah mendefinisikan perbandingan sebagai selisih persamaan. Maksud leksikal ‘selisih’ dalam konteks ini ialah perbezaan. Menurut Hartono (2004), perbandingan bermaksud satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengetahui kelebihan dan kekurangan sesuatu perkara. Konklusinya, perbandingan yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini ialah persamaan dan perbezaan rantau konsepsi nilai moral antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil.

1.8.2 Rantau Konsepsi

Rashidin dan Jalaluddin (2015) pula mendefinisikan rantau sebagai sesebuah kawasan dan konsepsi sebagai pendapat yang terbentuk dalam pemikiran seseorang tentang sesuatu gagasan. Tendahl (2009) mendefinisikan rantau konsepsi sebagai satu kawasan abstrak yang terdapat dalam minda atau kognisi manusia. Mengikut kefahaman pengkaji dalam kajian ini, rantau konsepsi ialah tempat pemahaman makna kata yang dihubungkan daripada pelbagai elemen seperti domain, skema imej, metafora konsepsi



dan metonimi konsepsi serta mengandungi tiga aspek utama iaitu konsep leksikal, konsep *ad hoc* dan slot kosong. Penjelasan lanjut tentang rantau konsepsi dinyatakan dalam bab teori.

1.8.3 Nilai Moral

Dewan Bahasa dan Pustaka (2018) menyatakan bahawa nilai ialah konsep luas yang menunjukkan kualiti terhadap kegunaan sesuatu. Nilai boleh didefinisikan sebagai ukuran yang diberi oleh individu tentang sesuatu perkara sama ada baik atau buruk, halus atau kasar dan tinggi atau rendah berasaskan kepada kelaziman atau kebiasaan dalam sesebuah masyarakat (Zakaria, 2015). Seterusnya, Scott (1965) pula meletakkan nilai sebagai satu konsep bagi kumpulan manusia tentang perhubungan luhur yang digunakan untuk mentaksir sesuatu perkara yang baik atau buruk dan benar atau salah.

Zainon Hamzah dan Mat Hassan (2011) turut mendefinisikan nilai sebagai kepercayaan dan tingkah laku yang membentuk keperibadian seseorang. Menurut Puteh (1996), nilai dikenali sebagai elemen yang terdapat dalam semua ajaran moral berdasarkan pengiktirafan bahawa individu dalam sesebuah kelompok masyarakat itu bergantung antara satu sama lain. Konklusinya, nilai ialah sifat yang berhubung dengan subjek dan memberi erti kepada manusia yang menyakini.

Secara umumnya, moral ialah entiti yang membicarakan persoalan yang timbul sama ada betul atau salah. Berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral (2007), moral merujuk kepada pegangan manusia sama ada baik atau buruk dan sesuai dengan tatasusila serta peraturan masyarakat setempat. Kohlberg (1984) pula





mendefinisikan moral sebagai etika kemanusiaan yang merangkumi tiga perkara asas iaitu pemikiran, perasaan dan tindakan individu sama ada baik atau buruk. Moral turut boleh ditakrifkan sebagai cara melihat isu yang berhubung dengan sesuatu tingkah laku berdasarkan pandangan sejagat dan budaya dalam sesebuah masyarakat (Balakrishnan, 2010). Lantas, nilai moral yang telah digunakan dalam kajian peribahasa ini melibatkan nilai kerajinan, kerjasama, kesederhanaan dan sebagainya.

1.8.4 Peribahasa Melayu

Za'ba (1965) memperincikan peribahasa sebagai susunan kata pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, sedap didengar dan bijak perkataannya yang menjadi ikutan masyarakat serta berbentuk pengajaran. Abdullah (2004) menjelaskan bahawa peribahasa itu sama tuanya dengan bahasa sesebuah bangsa. Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Malaysia dan digunakan oleh semua masyarakat sebagai bahasa pengantar utama. Maka, dapat disimpulkan bahawa peribahasa Melayu merupakan kiasan yang digunakan oleh masyarakat dahulu untuk menegur tanpa mengguris perasaan seseorang.

Seiring dengan itu, Zainon Hamzah dan Mat Hassan (2011) membahagikan peribahasa kepada dua perkataan iaitu, 'peri' dan 'bahasa'. Peri merujuk kepada hal, keadaan, sifat, cara, kejadian dan peristiwa. Bahasa ialah satu sistem lambang bunyi yang digunakan oleh manusia untuk meluahkan fikiran dan perasaan atau menyampaikan konsep bagi mewakili benda, tindakan, idea dan keadaan dalam satu pertuturan supaya dapat difahami oleh pendengar atau masyarakat bahasanya.





1.8.5 Peribahasa Tamil

Ragavan dan Salleh (2015) menegaskan bahawa peribahasa merupakan cabang seni sastra lisan dalam budaya masyarakat dunia. Peribahasa Tamil dikenali sebagai *pazhamozhi* dalam bahasa Tamil. Menurut Singaram (1998), rangkai kata *pazhamozhi* dapat dipisahkan kepada dua perkataan iaitu, '*pazham*' bermaksud lama atau matang dan '*mozhi*' didefinisikan sebagai bahasa. Jadi, gabungan kedua perkataan tersebut membawa maksud bahasa yang lama atau matang.

Murthy (2017) menyatakan bahawa Tamil merupakan bahasa klasik dan bahasa ibunda bagi masyarakat India yang beragama Hindu di Malaysia dan seluruh dunia. Secara ringkasnya, peribahasa Tamil ialah bahasa indah yang digunakan oleh kaum India dalam pertuturan harian mereka untuk menyampaikan atau mengaitkan sesuatu perkara yang berlaku.

1.8.6 Teori Hibrid

Menurut Lebar (2012), teori merupakan himpunan konsep, definisi dan preposisi yang mengemukakan pandangan tentang gejala antara pemboleh ubah supaya dapat dijelaskan dengan baik untuk tujuan penyelidikan dan sasarannya. Garrison (2000) pula mendefinisikan teori sebagai susunan idea, konsep dan model secara sistematik bagi membentuk makna untuk memberi penjelasan yang mantap dan mencorakkan sesuatu amalan.



Tendahl (2009) memperkenalkan Teori Hibrid yang merupakan gabungan Teori Relevans dan kognitif linguistik dalam mengkaji metafora serta dikemaskinikan oleh Stover (2010) menggunakan Model Proses Tiga Serangkai. Model ini berfungsi untuk memperoleh makna yang hendak dikomunikasikan dan tersimpan dalam rantau konsepsi seseorang pendengar atau penutur. Gagasan asal teori ini adalah berdasarkan satu prinsip yang melibatkan dua proses pemetaan domain dan proses membuat kesimpulan secara pragmatik.

Menurut Tendahl (2009) lagi, proses pemetaan metafora yang rigid sememangnya memerlukan satu huraian teori berpada bagi menjelaskan fenomena tersebut. Oleh itu, Teori Hibrid diyakini dapat memberi kefahaman secara tersurat kepada bahasa dan pemikiran manusia. Analisis teori ini akan dipersembahkan dalam bentuk rantau konsepsi. Seiring dengan itu, pengkaji hanya menggunakan Teori Hibrid (Tendahl, 2009) yang difokuskan kepada penelitian metafora peribahasa dalam penyelidikan ini. Perincian yang mendalam tentang teori ini dijelaskan dalam bab tiga.

1.9 Kesimpulan Bab

Kajian ini dijalankan untuk meneliti perbandingan rantau konsepsi nilai moral antara peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil berdasarkan Teori Hibrid yang dipelopori oleh Tendahl (2009). Penyelidikan berkaitan dengan nilai moral dalam peribahasa yang melibatkan dua budaya iaitu Melayu dan India perlu diteliti dan diterokai dengan lebih saintifik agar proses tersebut dapat difahami dengan lebih mendalam. Seterusnya, kajian ini berpotensi untuk menambah kosa ilmu dalam bidang semantik kognitif serta memberi petunjuk tentang struktur sosial dan cara pemikiran sesebuah masyarakat. Bab



ini telah membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional secara terperinci. Tinjauan literatur yang relevan perlu dilaksanakan bagi mewujudkan keselarasan antara kajian ini dengan kajian lampau. Maka, bab dua akan memaparkan beberapa hasil kajian lepas berkaitan dengan peribahasa dari pelbagai aspek yang berbeza untuk menampakkan trend kajian dalam dan luar negara.

